

## **KEJAYAAN USAHAWAN MELAYU INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DI NEGERI MELAKA**

**Maryam Mohd Esa,<sup>1</sup> Nur Faizah Nur Fazil<sup>2</sup>, Noorizda Emellia Mohd Aziz<sup>3</sup>,  
Zamry Gafar<sup>4</sup> & Zurairah Jais<sup>5</sup>**

<sup>1,3,4,5</sup>Pensyarah di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka  
<sup>2</sup>Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Keusahawanan), Kolej Universiti Islam Melaka

### **ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan mengkaji faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Negeri Melaka. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti sama ada faktor pengetahuan, faktor sikap dan faktor minat mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu IKS. Responden merupakan usahawan IKS di tiga daerah di Negeri Melaka iaitu Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah iaitu seramai 74 orang responden. Analisis data dihasilkan dengan menggunakan IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0 yang merangkumi data deskriptif, skor min dan analisis regresi yang digunakan untuk mengetahui faktor mana yang lebih mempengaruhi dengan pembolehubah bersandar. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa setiap faktor mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu IKS. Oleh itu, setelah kajian dibuat, didapati bahawa pengetahuan merupakan faktor paling mempengaruhi dalam analisis regresi.

**Kata Kunci:** *Kejayaan Usahawan Melayu IKS, Pengetahuan, Sikap dan Minat.*

## **MALAY ENTREPRENEUR SUCCESS SMALL AND MEDIUM INDUSTRIES (SME) IN MELAKA**

### **ABSTRACT**

This article aims to discuss the study about the factors that influence the success of Malay Small and Medium Industries (SMI) entrepreneurs in Melaka. The main objective of this study is to identify whether knowledge factors, attitude factors and interest factors influence the success of SME Malay entrepreneurs. Respondents were SME entrepreneurs in three districts in Melaka which is Melaka Tengah, Jasin and Alor Gajah with 74 respondents. Data analysis was performed using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 which included descriptive data, mean scores, correlation analysis and regression analysis used to determine which factors were most influential with the dependent variables. The results of this study indicate that each of the factors affecting the success of Malay (SMI) entrepreneurs. Therefore, this research has come to conclusion that knowledge was the dominant influence in regression analysis.

**Keywords:** *Success of Malay (SME), Entrepreneur, Knowledge, Attitude and Interest.*

### **PENGENALAN**

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan satu industri yang membantu masyarakat dan negara dalam sektor ekonomi. IKS mempunyai pelbagai definisi mengikut peranan, fungsi dan organisasi yang berkaitan. Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang ke-14 pada Oktober 2013 (SME Corp. Malaysia, 2014) telah memberikan definisi baharu untuk PKS yang diguna pakai bermula 1 Januari 2014 seperti berikut, bagi sektor pembuatan, jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang dan manakala bagi sektor perkhidmatan dan lain sektor merujuk kepada jualan tahunan yang tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang. Sebanyak 40 peratus daripada hampir satu juta syarikat yang didaftarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dimiliki oleh usahawan Melayu dan Bumiputera, Dewan Rakyat diberitahu oleh (Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Senator Datuk Dr Mohd Hatta Md Ramli, Julai 2019) yang menjelaskan bahawa jumlah itu menunjukkan penglibatan orang Melayu dan Bumiputera masih kurang dalam bidang keusahawanan. Mengikut definisi baharu, semua PKS mesti merupakan entiti yang berdaftar dengan SSM atau badan lain yang setaraf dengannya. Taburan PKS mengikut negeri pada tahun 2017 mengikut sumber ekonomi 2016 menunjukkan jumlah yang mencatat angka 907,065 pertubuhan. Negeri yang mencatatkan pertubuhan PKS paling tinggi ialah negeri Selangor iaitu sebanyak 19.8% dan kedua tertinggi ialah negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 14.7% pertubuhan. Hal ini kerana, kedua-dua negeri tersebut mempunyai banyak pusat perindustrian dalam pelbagai sektor termasuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Seterusnya, negeri Melaka mencatatkan angka pertubuhan PKS sebanyak 3.5% dan masih rendah dalam menjalankan aktiviti sektor keusahawanan atau perniagaan. Antara sektor yang dikatakan terdapat dalam IKS ini adalah sektor pembuatan, pembinaan, dan lain-lain industri namun berbentuk sederhana mahupun kecil. Dalam usaha membangunkan usahawan bumiputera, terdapat beberapa badan yang bertanggungjawab dalam pembangunan usahawan dan bakal-bakal usahawan di Malaysia iaitu Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), UDA Holdings Bhd, Bank Pembangunan, SME Bank, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Bank Rakyat, Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan Syarikat Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDCs) (Yahya Ibrahim 2014).

Di negeri Melaka terdapat 2,800 pengusaha IKS yang bergiat aktif dan mengusahakan pelbagai produk termasuklah makanan, perkhidmatan dan sebagainya. Antara kawasan IKS yang telah diwujudkan di Melaka ialah Taman Industri Kecil dan Sederhana di Bukit Katil. Taman IKS ini telah mula dibina pada tahun 1996 yang mana pembangunan dimulakan dengan pembinaan dua baris rumah kedai. Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) bukan sahaja menempatkan perusahaan IKS sahaja di penempatan perniagaan ini,

tetapi secara tidak langsung juga terdapat jenis-jenis perniagaan lain seperti perkhidmatan andaman, kedai menjual aksesori kereta, gerai makan dan sebagainya. Antara perusahaan IKS yang terlibat dalam kawasan ini ialah pengiklanan, pembungkusan dan pemasaran makanan ringan dan perkhidmatan membaiki, mengetuk dan mengecat kereta. Bagi melangkah ke hadapan, SME Corp. Malaysia, 2019 merancang untuk melaksanakan pelan jangka panjang baharu untuk merencanakan pembangunan PKS dan keusahawanan melangkaui tahun 2020. Pelan Induk PKS 2.0 (2021-2030) akan merangka strategi bagi pembangunan PKS dan keusahawanan bagi melahirkan perniagaan yang mampan dan berdaya saing dalam pasaran global dan berteknologi tinggi.

Seterusnya, kawasan industri Halal Hub Melaka di Serkam yang diterajui oleh HPA Industries Sdn. Bhd (anchor) dan menaungi lebih 150 Industri Kecil & Sederhana (IKS) negeri Melaka telah ditubuhkan. Melaka Halal Hub (MHH) merupakan pusat industri halal pertama di Malaysia. Usahawan yang berada di Melaka Halal Hub beroperasi dalam mengeluarkan produk halal. Sehubungan dengan itu, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) selaku syarikat kerajaan Negeri telah memberi mandat kepada Melaka Halal Hub Sdn Bhd (MHHSB) untuk mengendalikan Melaka Halal Hub (MHH) di Serkam. Malaysia antara negara yang mengamalkan IKS dan beberapa sektor telah diusahakan dibawah perusahaan ini. Sebagai contoh peruncitan, pembinaan, pertanian dan sebagainya. Negeri Melaka turut menjadi salah sebuah negeri yang melibatkan diri dalam PKS. Antara kawasan ataupun daerah yang mempunyai PKS ini adalah di kawasan Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Daerah Jasin dan Alor Gajah merupakan kawasan perniagaan yang tidak berpusat dan lokasi keusahawanan sepenuhnya berpusat di daerah Melaka Tengah. Bagi mengimbangi hal ini, Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa Negeri Melaka telah merangka strategi untuk menyeimbangkan pembangunan yang berpusat di daerah Alor Gajah dan Jasin agar pembangunan tidak terus tertumpu di daerah Melaka Tengah (Ringkasan Draf Rancangan Struktur Negeri Melaka 2000-2020).

Penyataan masalah dalam kajian ini ialah sektor pekerjaan seperti sektor perkhidmatan yang ditawarkan terhadap masyarakat mempunyai pendapatan yang lebih tinggi berbanding sektor keusahawanan. Ini kerana, sektor IKS masih belum mampu untuk bersaing dalam peringkat global dan usahawan Melayu tidak mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menjalankan perniagaan mereka. Hal ini telah menyebabkan penglibatan golongan usahawan Melayu masih rendah. Selain itu, terdapat usahawan IKS yang tidak membuat kajian pasaran terlebih dahulu dalam menjalankan perniagaan mereka juga menimbulkan kekangan dalam menjayakan sektor keusahawanan iaitu Industri Kecil dan Sederhana. Seterusnya, menurut SME Corporation (2014), terdapat segelintir usahawan IKS yang kurang berdikari dan tidak mampu mengatasi cabaran dalam bidang keusahawanan juga menimbulkan masalah dalam memajukan bidang keusahawanan. Menurut Pengerusi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Tan Sri Dr. Abdul Rahim Tamby Chik, kadar kegagalan usahawan Bumiputera dalam perniagaan masing-masing masih tinggi dan di tahap yang tidak memuaskan. Hal ini kerana, terdapat 100 syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tetapi hanya 18 syarikat sahaja telah berjaya dalam tempoh lima tahun bermula pada tahun 2013 sehingga tahun 2018.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh antara pengetahuan dengan kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS), mengenalpasti pengaruh antara sikap dengan kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan mengenalpasti pengaruh antara minat dengan kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Pengaruh antara pengetahuan dengan kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS),**

Menurut Buerah & Hussin (2014), kejayaan sesebuah perniagaan juga bermula dengan ilmu pengetahuan iaitu pembelajaran atau kemahiran yang dimiliki secara formal dan tidak formal. Pengetahuan yang ada dalam diri usahawan merupakan perkara utama kepada setiap pencapaian seseorang kerana ia merupakan perkara yang mendorong seseorang dalam membuat keputusan di dalam sesuatu perkara. Faktor yang dikaji dikatakan mendorong kepada sesebuah IKS itu menjadi mantap dan berjaya. Ilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan adalah penting selain pengalaman yang dimiliki. Justeru, peniaga bolehlah mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan oleh pihak

kerajaan mahupun swasta ataupun melalui seminar-seminar, ceramah dan konvensyen keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak tertentu. Ini boleh membantu golongan peniaga untuk mendapatkan maklumat tentang peluang-peluang perniagaan yang terdapat di sekeliling mereka. Persaingan yang semakin sengit menyaksikan perlunya seseorang usahawan itu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang tinggi supaya peniaga Melayu dapat bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Justeru itu, mengenai faktor pengetahuan yang dimiliki oleh usahawan yang dikaji oleh Azmi et al. (2012), pengkaji berpendapat bahawa kejayaan sesebuah IKS itu bermula dengan ilmu pengetahuan, iaitu pengetahuan tentang keusahawanan dan ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Pengetahuan serta kemahiran yang dinyatakan adalah seperti kemahiran merancang, kemahiran mengurus organisasi serta pengalaman lampau berkenaan perniagaan yang diceburi. Hipotesis yang dibina daripada sorotan kajian ini adalah:

H<sub>1</sub> : Pengetahuan merupakan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

**Pengaruh antara sikap dengan kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS)**

Menurut Sunyoto & Danang (2016), sikap membawa maksud sesuatu yang mengarahkan pada tujuan yang dihadapi dalam bentuk tindakan, ucapan, perbuatan mahupun emosi seseorang. Sikap yang ada pada usahawan itu juga memainkan peranan yang penting di dalam kejayaan sesebuah IKS. Sikap yang positif akan menjamin kepada gerak kerja yang mantap serta mendorong kepada kepercayaan individu lain semasa berurusan. Menurut Buerah binti Tunggak & Hussin bin Salamon (2014), berpendapat bahawa faktor sikap usahawan itu sendiri sedikit sebanyak akan mendorong kepada kejayaan PKS. Sikap tersebut berkaitan dengan lokus dalaman ataupun ciri ciri personaliti yang ada dalam usahawan itu sendiri. Lokus dalaman yang dikatakan membawa maksud, usahawan sendiri mengawal segala tindak tanduk yang dilakukan oleh mereka, bukan atas faktor mendorong yang lain. Tambahan lagi, sikap juga diukur pada kelakuan luaran yang menunjukkan siapa diri kita yang sebenar. Hipotesis yang dibina daripada sorotan kajian ini adalah:

H<sub>1</sub> : Sikap merupakan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).


**Pengaruh antara minat dengan kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).**

Minat yang mendalam terhadap bidang keusahawanan akan mendorong seseorang individu untuk menceburi bidang keusahawanan menurut Syahrina (2010). Kenyataan ini disokong oleh Abdul Aziz Ab. Latif (2011) iaitu usahawan atau ahli perniagaan akan lebih bersikap positif terhadap kerja ataupun tanggungjawab yang mereka laksanakan sekiranya mereka berminat di dalam bidang yang telah diceburi. Minat adalah daya penggerak yang mendorong kita supaya memberi perhatian kepada seseorang, benda atau kegiatan. Minat juga merupakan keinginan (kesukaan, kecenderungan) terhadap sesuatu. Kesimpulannya, seseorang usahawan yang menceburi bidang keusahawanan berdasarkan minat akan sentiasa bekerja keras serta dapat menguruskan sumber dengan berkesan. Berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (Maslow's Hierarchy of Needs), kepuasan dan penyempurnaan diri merupakan elemen kelima di mana seseorang individu itu mahu mencapai kejayaan sebagaimana yang diidamkan oleh Philip Kotler (2012). Kejayaan yang diidamkan akan tercapai setelah keseluruhan potensi yang ada di dalam diri mampu digemblengkan sepenuhnya melalui kekuatan berimajinatif, kreatif dan berinovatif. Hipotesis yang dibina daripada sorotan kajian ini adalah:

H<sub>1</sub> : Minat merupakan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

## KERANGKA KAJIAN

Pembolehubah-pembolehubah tersebut terdiri daripada pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.



Rajah 1.0 : Kerangka Kajian

## METODOLOGI

### Populasi dan Persampelan Kajian

Kajian ini menggunakan formula Tabachnick dan Fidell (2013) iaitu  $N > 50 + 8m$ . Sekiranya jumlah pembolehubah bebas kajian ini adalah 3, maka jumlah minimum sampel yang akan digunakan adalah 74 orang. Ini bermakna, kajian ini akan mengambil sekurang-kurangnya 74 responden untuk mendapatkan hasil yang signifikan. Kajian ini akan menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian (*Probability Sampling*) yang mana kaedah ini memberi kesempatan atau peluang yang sama kepada setiap anggota populasi untuk dipilih menjadi sampel dan ia juga digunakan bagi tujuan kajian kuantitatif. Kajian ini mengkaji faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Negeri Melaka di mana populasi keseluruhan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang diperolehi dari SMECORP adalah seramai 2,800 orang.

Jenis sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah Sampel Rawak Berstrata (Stratified Random Sampling). Kaedah persampelan ini membolehkan setiap ahli dalam populasi yang terdiri daripada kumpulan yang berbeza memiliki peluang yang sama untuk dipilih. Jumlah sampel adalah 74 orang dan sampel ini digunakan untuk memastikan responden dipilih merangkumi usahawan di Negeri Melaka. Tujuan persampelan ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan populasi dan persampelan ini juga dilakukan bagi menjimatkan kos penyelidikan dengan cara pengurangan kos yang pelbagai.

### Instrumen Kajian

Kajian ini akan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian terhadap responden bagi mendapatkan maklum balas dan proses pengumpulan data. Borang soal selidik tersebut terdiri daripada lima bahagian iaitu bahagian A (latar belakang responden), bahagian B (Faktor Kejayaan Usahawan Melayu IKS), bahagian C (Faktor Pengetahuan), bahagian D (Faktor Sikap) dan bahagian E (Faktor Minat). Kajian ini telah dijalankan kepada 74 orang responden dengan menggunakan formula Tabachnick dan Fidell (2013) iaitu  $N > 50 + 8m$ . Semua soal selidik akan diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Kandungan bahagian soalan borang soal selidik adalah seperti berikut :

Jadual 1.0 :Kandungan Borang Soal Selidik

Bahagian	Perkara	Bilangan Soalan
Bahagian A	Maklumat Demografi Responden	8
Bahagian B	Faktor Kejayaan Usahawan Melayu IKS (SME Corp. Malaysia, 2014)	5
Bahagian C	Faktor Pengetahuan (Yusrina, Nurhanita & Nurul Huda, 2018)	5
Bahagian D	Faktor Sikap (Buerah binti Tunggak & Hussin bin Salamon, 2014)	5
Bahagian E	Faktor Minat (Syahrina, 2010)	5

Jadual 1, menunjukkan sumber soal selidik diambil dan bilangan item yang digunakan. Pengukuran Skala Likert 5 juga telah digunakan untuk mendapatkan tahap sebenar responden. Kesemua soalan terdiri dari skala 1 sehingga 5 dimana setiap skala mempunyai tahap jawapan yang paling minimum sehingga maksimum.

### Ujian Kebolehppercayaan

Ujian kebolehppercayaan yang telah diperolehi telah mendapati nilai Cronbach's Alpha adalah .909. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa nilai yang melebihi 0.90 dianggap terbaik.

### Data Analisis

Kajian ini merupakan satu kajian bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan IKS di Melaka. Bagi mendapatkan sampel yang ditetapkan, pengumpulan data dilakukan dengan cara mengedarkan borang soal selidik kepada responden-responden yang terdiri daripada usahawan Melayu IKS di negeri Melaka. Kawasan kajian terdiri daripada tiga daerah iaitu Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah. Pengkaji juga menetapkan tempoh untuk responden menjawab dan mengambil kembali soal selidik yang telah dijawab oleh responden. dengan jumlah responden seramai 74 orang.

Pengumpulan data kajian ini boleh didapatkan melalui data primer dan data sekunder. Data primer merujuk kepada maklumat yang diperolehi melalui dapatan kajian. Data ini dikumpul dengan menggunakan kaedah seperti tinjauan, pemerhatian, ujian fizikal, soal selidik yang dihantar dan diisi. Analisis yang digunakan bagi kajian ini adalah analisis regrasi. Ia digunakan bagi tujuan untuk menganalisis data dan melihat faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan IKS dengan pengetahuan, sikap dan minat di kalangan usahawan IKS di Melaka. Data yang diperolehi akan di analisa dengan menggunakan kaedah *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0.

### DAPATAN KAJIAN

Data analisis demografi yang dilakukan ini bertujuan bagi menerangkan perkara mengenai latar belakang responden seperti jantina, umur, status, tahap pendidikan dan daerah.

Kajian menunjukkan kekerapan jantina responden iaitu terdapat seramai 52 (70.3%) usahawan wanita manakala seramai 22 (29.7%) merupakan usahawan lelaki. Usahawan wanita menunjukkan peratus paling tinggi dan bilangan responden yang ramai disebabkan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan yang lebih cenderung untuk meningkatkan produktiviti negara.

Manakala bagi kekerapan umur seramai 5 orang responden iaitu (6.8%) berumur 20 tahun dan ke bawah. Kemudian diikuti dengan responden berumur 21 hingga 30 tahun iaitu sebanyak 41 orang (55.4%) iaitu merupakan peratusan yang paling tinggi dan seramai 12 orang responden (16.2%) berumur 31 hingga 40 tahun. Seterusnya, bagi responden berumur 41 hingga 50 tahun seramai 11 orang (14.9) dan diikuti dengan responden berumur 51 tahun dan ke atas iaitu seramai 5 orang (6.8%). Di samping itu, responden yang berumur 21 hingga 30 tahun merupakan golongan yang paling ramai dalam bidang perniagaan dan disebabkan oleh faktor perubahan dalam melakukan inovasi serta teknologi.

Bagi kekerapan status responden bagi bujang adalah seramai 44 orang (59.5%) iaitu mempunyai jumlah kekerapan dan peratusan paling tinggi dan diikuti dengan responden yang sudah berkahwin iaitu seramai 29 orang (39.2%). Manakala, bagi responden yang mempunyai status duda atau janda

adalah 1 orang (1.4%) dan mempunyai jumlah peratusan paling rendah. Di samping itu, responden yang mempunyai status bujang lebih ramai untuk menjalankan perniagaan disebabkan oleh tiada komitmen seperti golongan berstatus berkahwin.

Seterusnya, didapati responden yang mengambil SPM adalah seramai 12 orang (16.2%) manakala responden yang mengambil STPM/Diploma adalah seramai 23 orang (31.1%). Seterusnya, bagi responden yang mengambil Ijazah mempunyai jumlah kekerapan dan peratusan paling tinggi iaitu seramai 37 orang (50.0%) dan diikuti dengan responden yang mengambil Master mempunyai jumlah peratusan paling rendah iaitu 2 orang (2.7%). Di samping itu, responden yang mengambil Ijazah adalah paling ramai kerana mereka merupakan pelajar yang mampu untuk berfikir secara rasional sewaktu usia muda bagi menjalankan sesuatu perniagaan.

Selain itu, data menunjukkan bahawa responden di daerah Melaka Tengah mempunyai jumlah kekerapan dan peratusan paling tinggi iaitu seramai 40 orang (54.1%) dan diikuti dengan responden di daerah Jasin seramai 23 orang (31.1%). Manakala, bagi responden di daerah Alor Gajah mempunyai jumlah kekerapan dan peratusan paling rendah iaitu 11 orang (14.9). Di samping itu, usahawan yang paling ramai adalah di kawasan Melaka Tengah dimana kawasan tersebut merupakan kawasan strategik dan dikelilingi kemudahan lokaliti.

Jadual 2.0 : Jadual Keputusan Hipotesis

<b>PEMBOLEH UBAH</b>	<b>Hipotesis</b>	<b>SIG</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
PENGETAHUAN	H <sup>o</sup> : Pengetahuan merupakan faktor yang tidak mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).  H <sup>1</sup> : Pengetahuan merupakan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).	.004**	H <sup>o</sup> telah ditolak dan H <sup>1</sup> DITERIMA dan hubungan adalah SIGNIFIKAN
SIKAP	H <sup>o</sup> : Sikap merupakan faktor yang tidak mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).  H <sup>1</sup> : Sikap merupakan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).	.015**	H <sup>o</sup> telah ditolak dan H <sup>1</sup> DITERIMA dan hubungan adalah SIGNIFIKAN
MINAT	H <sup>o</sup> : Minat merupakan faktor yang tidak mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).  H <sup>1</sup> : Minat merupakan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).	.012**	H <sup>o</sup> telah ditolak dan H <sup>1</sup> DITERIMA dan hubungan adalah SIGNIFIKAN

Jadual 3.0 : Ringkasan Model Skor Min

<b>Bil</b>	<b>PEMBOLEH UBAH TIDAK BERSANDAR</b>	<b>SOALAN</b>	<b>SKOR MIN</b>
1.	Kejayaan Usahawan Melayu IKS	Saya menghadiri seminar untuk menguruskan perniagaan	4.03
		Saya mempunyai kelulusan khusus dalam bidang perniagaan yang diceburi	3.88
		Saya menawarkan produk yang memenuhi kehendak pelanggan	4.18
		Saya membaca bahan keusahawanan untuk menambah ilmu dalam perniagaan	4.23
		Saya akan memastikan lokasi perniagaan saya adalah strategik	4.38
	<b>PEMBOLEHUBAH TIDAK BERSANDAR</b>		
1.	Faktor Pengetahuan	Sentiasa menganalisis faedah daripada peluang perniagaan yang dikenalpasti	4.15
		Boleh mengurus keadaan yang berlaku hasil daripada perubahan persekitaran	4.23
		Seseorang akan memperoleh peluang keusahawanan jika berani mengambil risiko	4.45
		Mendapatkan maklumat bagaimana memulakan perniagaan	4.41
		Mendapatkan khidmat nasihat perniagaan daripada usahawan yang berpengalaman	4.32
2.	Faktor Sikap	Saya tidak pernah menangguhkan perkara penting jika ada kelapangan masa	4.24
		Saya membuat kerja dengan teliti untuk mendapatkan yang terbaik dari sumber pekerjaan saya	4.32
		Saya merasai kepuasan yang tinggi apabila hasil kerja saya terbaik	4.46
		Saya percaya keputusan yang tepat penting untuk menentukan kejayaan	4.49
		Saya merasa bangga apabila membuat kerja dengan cekap	4.45
3.	Faktor Minat	Saya berminat dalam perniagaan	4.54
		Saya berazam untuk menjalankan perniagaan pada masa hadapan	4.65
		Saya berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang	4.72
		Saya berminat untuk menyertai aktiviti pembangunan keusahawanan	4.55
		Rasa seronok untuk berbincang dengan rakan-rakan mengenai isu keusahawanan	4.51



Jadual 4.0 : Anova

<i>Model</i>	<i>R</i>	<i>R Square</i>	<i>Adjusted R Square</i>	<i>Std. Error of the Estimate</i>	<i>Durbin-Watson</i>
1	.612 <sup>a</sup>	.374	.347	.38843	1.912

Berdasarkan Jadual 4.0 di atas, menunjukkan keputusan ringkasan model di antara pembolehubah bersandar iaitu kejayaan usahawan IKS dengan pembolehubah tidak bersandar yang terdiri daripada faktor pengetahuan, faktor sikap dan faktor minat. Nilai bagi R adalah 0.612 manakala R Square adalah 0.374. Nilai R Square ini menunjukkan bahawa faktor pengetahuan, sikap dan minat terhadap kejayaan usahawan IKS adalah sebesar 37.4%. Semakin rendah nilai R Square, maka semakin kurang pengaruh pembolehubah tidak bersandar terhadap pembolehubah bersandar. Namun sebaliknya, jika nilai R Square semakin tinggi, maka pembolehubah tidak bersandar mempengaruhi pembolehubah bersandar.

### **PERBINCANGAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Berdasarkan dapatan yang didapati dalam artikel ini mendapati bahawa semakin tinggi pengetahuan seseorang usahawan itu maka semakin mudah untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan yang sedang diusahakan. Ini kerana dengan adanya pengetahuan, usahawan akan dapat menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang serta ancaman dalam perniagaan. Seterusnya kejayaan seorang usahawan adalah daripada sikap usahawan yang positif serta sentiasa berdaya saing. Ini boleh dikatakan bahawa usahawan sentiasa membuat kerja dengan teliti serta membuat keputusan yang terbaik setelah mengambilkira pelbagai aspek kerana ia akan menentukan kejayaan sebagai seorang usahawan perniagaan. Minat yang mendalam terhadap bidang perniagaan serta sentiasa menyertai aktiviti pembangunan keusahawanan juga mempunyai kaitan rapat dengan kejayaan seorang usahawan. Ini dapat digambarkan dengan membuktikan usahawan gembira dan sentiasa positif terhadap apa sahaja cabaran yang dilalui sepanjang di dalam perniagaan dan mampu menyelesaikannya dalam keadaan yang baik.

Berdasarkan dapatan kajian, analisa deksriptif dan analisa regresi telah dilakukan dan dapat dibuat kesimpulan bahawa ketiga-tiga faktor yang terlibat mempunyai hubungan yang positif dengan kejayaan usahawan IKS di Melaka. Kejayaan usahawan Melayu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ialah sesebuah perniagaan yang diuruskan oleh orang Melayu yang turut diklasifikasikan sebagai salah satu daripada dua kriteria kelayakan iaitu jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa serta mana-mana yang rendah (SME Corp. Malaysia, 2014). Istilah usahawan berasal daripada perkataan yang bermaksud daya upaya atau daya saing termasuk ikhtiar serta kegiatan. Kejayaan usahawan Melayu IKS bergantung kepada pembentukan keupayaan individu dalam perniagaan yang diusahakan masing-masing. Manakala, Norashidah Hashim, Norasmah & Noraishah (2009), menyatakan bahawa aspek pengurusan dan pemasaran adalah penting untuk kejayaan usahawan. Ciri-ciri usahawan yang berjaya ialah mereka yang tidak takut kepada kekuatan musuh dengan menjadikannya sebagai kekuatan untuk bersaing. Mereka mestilah memulakan sesuatu dengan tidak mengharapkan semata-mata kepada peluang yang diberikan. Usahawan yang berjaya mestilah cepat bertindak untuk mengubah strategi yang mereka laksanakan berdasarkan kepada keperluan semasa. Ini bermaksud, mereka tidak hanya bergantung kepada penetapan strategi awal yang dilaksanakan. Sebaiknya, strategi akan diubah sekiranya perlu. Seterusnya, mereka juga bijak menggunakan masa yang sedia ada dengan sebaik mungkin menurut Timmons dan Spinelli (2009). Ciri yang utama ialah mereka yang mempunyai sikap suka membuat sesuatu yang orang tidak berjaya 'tidak suka' dan tidak akan buat' menurut Megginson et al (2000).

Semua inisiatif yang dilakukan dianggap berjaya sekiranya persekitaran seseorang individu seperti pengetahuan, sikap dan minat mampu meningkatkan kejayaan usahawan bagi, melahirkan ciri-ciri keusahawanan yang tinggi, menunjukkan tingkah laku yang positif terhadap keusahawanan dalam diri setiap usahawan dan mampu mendorong mereka menjadi lebih berani menentang cabaran untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kejayaan usahawan sebenarnya bergantung kepada daya usaha, kemahiran dan inisiatif mereka sendiri untuk merebut peluang dan ruang meskipun terdapat banyak bentuk sokongan daripada kerajaan yang diperkatakan oleh Datuk Seri Ahmad Maslan, yang ingin mengetahui sebab orang Melayu dan Bumiputera kurang menjadi

usahawan dan langkah meramaikan golongan itu pada sesi soal jawab lisan persidangan Dewan Rakyat (Bernama, 2019). Maka, ia merupakan hal penting yang perlu dititikberatkan bagi melahirkan usahawan yang berjaya di dalam bidang IKS. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar menunjukkan hasil yang positif terhadap kejayaan usahawan. Kajian ini dapat meningkatkan bilangan usahawan yang berjaya melalui cadangan penambahbaikan selepas menganalisis dapatan kajian. Di samping, membuktikan bahawa segala persoalan kajian adalah terjawab dan mencapai objektif yang ada. Melalui kajian ini juga, dapat memberikan kesedaran agar faktor-faktor yang wujud yang mana terbukti mempunyai pengaruh yang signifikan dengan kejayaan usahawan IKS dapat dilakukan sesuatu agar penambahbaikan dapat dilaksanakan bagi memastikan lebih ramai lagi usahawan IKS yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan memperoleh kejayaan. Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan terdapat beberapa cadangan yang dapat diberikan kepada SMECORP, kerajaan dan masyarakat bagi meningkatkan lagi kesedaran menjadi usahawan serta dapat melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berjaya pada masa akan datang. Bagi seorang usahawan, mereka perlulah menambahkan ilmu pengetahuan tentang perniagaan yang dijalankan sama ada baru atau sedia ada. Sebagai contoh, usahawan perlulah melengkapkan diri dengan pelbagai jenis kemahiran berkaitan dengan bidang keusahawanan termasuklah kemahiran berkomunikasi.

Di samping itu, setiap usahawan perlulah menitikberatkan tentang pertukaran pendapat antara satu sama lain bagi menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan secara tidak langsung dapat mengembangkan perniagaan yang dijalankan. Seterusnya, usahawan juga perlu menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan pemasaran dengan menghadiri seminar, program keusahawanan serta pembangunan usahawan yang berpengalaman melalui agensi-agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan. Latihan dan bengkel keusahawanan juga perlu disertai oleh usahawan bagi mendapatkan kemahiran serta peluang perniagaan dengan lebih mudah. Selain itu, kerajaan juga memainkan peranan penting bagi membantu usahawan mencapai kejayaan dengan menyediakan kelas untuk memasarkan produk mereka sehingga ke pasaran luar serta memantapkan kemahiran dalam menjalankan perniagaan. Seterusnya, para usahawan juga digalakkan supaya sentiasa merebut peluang yang disediakan oleh pihak yang berkepentingan atau agensi-agensi yang sedia ada bagi meningkatkan keupayaan yang ada pada usahawan supaya dapat kekal dan berjaya mengembangkan perusahaan masing-masing pada masa hadapan.

Cadangan bagi penyelidik pada masa akan datang, mereka perlulah melihat bahawa kajian ini boleh dijelaskan dan diperkembangkan lagi dengan menganalisis beberapa perkara yang tidak dikaji dalam kajian ini. Pengkaji pada masa akan datang digalakkan untuk meningkatkan lagi jumlah responden bagi melihat tahap kebolehppercayaan terhadap kajian yang dijalankan ini secara menyeluruh. Selain itu, pengkaji akan datang boleh mempelbagaikan jenis instrument kajian seperti kaedah temubual atau menggabungkan kaedah temubual dengan borang soal selidik disertakan soalan terbuka kepada responden. Oleh itu, pengkaji akan datang diharap dapat mengulas dan menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai faktor kejayaan usahawan Melayu IKS yang terdapat di Malaysia ini.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, artikel ini memperbincangkan sebuah kajian berkaitan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan IKS. Faktor pengetahuan mempunyai pengaruh dengan kejayaan usahawan dimana seorang usahawan sentiasa mendapatkan maklumat bagaimana memulakan perniagaan serta menganalisis faedah daripada peluang perniagaan yang dikenalpasti dan dapat mengurus keadaan yang berlaku hasil daripada perubahan persekitaran perniagaan. Seorang usahawan juga berani untuk mengambil sesuatu risiko kerana telah mempunyai pengetahuan yang baik. Sebagai seorang usahawan mereka sentiasa membuat kerja dengan teliti untuk mendapatkan hasil yang terbaik dari sumber pekerjaan dan tidak pernah menanggungkan perkara penting jika ada kelapangan masa. Ini menunjukkan bahawa kejayaan usahawan juga mempunyai pengaruh dengan sikap. Tidak kurang juga dengan minat seorang usahawan merupakan antara faktor utama bagi mempengaruhi kejayaan usahawan itu sendiri.

Seorang usahawan akan selalu berbincang dengan rakan-rakan mengenai isu keusahawanan untuk mendapatkan pelbagai input serta pandangan. Usahawan juga berminat untuk menyertai aktiviti pembangunan keusahawanan tidak kira di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kesimpulannya, daripada kajian ini mendapati bahawa faktor pengetahuan, sikap dan minat mempunyai pengaruh terhadap kejayaan usahawan melayu IKS.

## **RUJUKAN**

- Abdul Aziz, A.L., Mohd Abdullah, J., Mohd Azlan, Y., Osman, J., Syahira, H. (2011). Asas Keusahawanan Dan Pengurusan Perniagaan Kecil Dan Sederhana. *Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu.*
- Azmi , A. M., Nik Hairi, O. & Lee, K. Y. (2012). Faktor Kejayaan Usahawan Dalam Perniagaan. *Journal of Social Science and Humanities*, Vol 7, Number 1, 034-045.
- Bernamea, Julai 2019. Diambil semula <https://www.sinarharian.com.my/article/36463/BERITA/Nasional/Hanya-40-peratus-syarikat-dimiliki-usahawan-Melayu-Bumiputera>
- Buerah, Tunggak, & Hussin, S. (2014). Perubahan Sikap Keusahawanan Usahawan Melayu di Malaysia. *Journal of Sciences and Humanities*, 98-116.
- Laman web Rasmi SME Corp. Malaysia, Diambil semula <http://www.smecorp.gov.my>, Garis Panduan Bagi Definisi Baharu PKS disediakan oleh SME Corp. Malaysia Sekretariat bagi Majlis Pembangunan PKS 2014.
- Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan: Pelan Induk PKS 2012-2020: Memangkin Pertumbuhan dan Pendapatan.
- Megginson, W., L., Byrd, M. J., Megginson, L., C. (2000). Small Business Management: An Entrepreneurs's Guidebook, *McGraw-Hill, Boston.*
- Norashidah, H., Norasmah, O., & Noraishah, B. (2009). Konsep Kesiediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia.. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 187-203.
- Philip Kotler, Gary Armstrong. (2012). Principles of Marketing, *Pearson Education Limited*, 2012, 172.
- Sunyoto, D. (2016). Metodologi Penelitian Dan Pengertian: Yogyakarta. Daftar Pustaka.
- Syahrina, A. (2010). Mengenali Ciri-ciri Usahawan. (2nd Edition). *Prinsip-prinsip Keusahawanan* (pp. 24-26) Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- Timmons, J. & Spinelli, S. (2001). Moral Reasoning Skills: Are Enterpreneurs Different? *Journal of Business Ethics*, 19, 229-240.
- Yusrina, Y., Nurhanita, M.H., & Nurul Huda, Y. (2018). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Terhadap Pemilihan Produk Halal Di Malaysia: Kajian Ke atas Pelajar Muslim Jabatan Perdagangan. POLIMAS.